

1983

KUALA LUMPUR, 4 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN RAKYAT MALAYSIA MEMPUNYAI DAYA CIPTA DALAM SEMUA LAPANGAN DAN TIDAK TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN DALAM SEGALA KERJA YANG MEMERLUKAN PENGETAHUAN SAINS DAN TEKNOLOGI.

PERDANA MENTERI BERHARAP PAKAR-PAKAR DAN PEMINAT BERBAGAI JURUSAN SAINS DAN TEKNOLOGI AKAN MENEROKA ALAM MENCIPTA DAN MEMULAKAN TRADISI BARU BAGI NEGARA INI SEBAGAI NEGARA YANG MEMPUNYAI DAYA CIPTA DALAM SEMUA LAPANGAN.

ADALAH MENJADI HARAPAN NEGARA BAHAWA RAKYAT NEGARA INI AKAN MEMPUNYAI DAYA CIPTA EALAM SEMUA LAPANGAN LEBIHWALEBIH LAGI DALAM LAPANGAN PENGGUNAAN SUMBER ALAM NEGARA, TEGASNYA KETIKA MERASMIKAN MUZIUM SAINS ELEKTRIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DI JALAN GURNEY DI SINI HARI INI.

BELIAU MEMINTA PAKA

-PAKAR TEMPATAN SUPAYA JANGAN BERGANTUNG KEPADA SESIAPA DALAM SEMUA CIPTAAN MEREKA UNTUK MEMBUKTIKAN KEMAMPUAN MEREKA.

+DI NEGARA-NEGARA MAJU PENCIPTA BIASANYA MENGELUARKAN PERBELANJAAN SENDIRI UNTUK MENGHASILKAN SESUATU CIPTAAN.

+ADA KALANYA PERBELANJAAN YANG PERLU AMAT BESAR SEKALI,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI 1902/MK

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN SESEORANG PENCIPTA DIDORONG OLEH DAYA CIPTANYA DAN TIDAK MENGHIRAUKAN PENAT LEHAI SERTA SOAL PEMBIAYAAN.

+NAMUN DEMIKIAN, SAYA YAKIN DEMI KEJAYAAN YANG LEBIH LAGI BAGI PENCIPTA KITA, PIHAK-PIHAK YANG BERKEMAMPUAN, KHUSUSNYA SYARIKAT SWASTA HARUSLAH MEMBANTU KUMPULAN-KUMPULAN YANG BERMINAT UNTUK MEMAJUKAN BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI DI NEGARA KITA.

+JIKA BOLEH KITA HENDAKLAH SAMA-SAMA MENJAMIN BAHAWA CIPTAAN YANG DILAHIRKAN OLEH PAKAR-PAKAR TEMPATAN KITA AKAN MENCAPAI TAHAP UNTUK MENDAPAT HAKCIPTA DAN PASARAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA,+

PERDANA MENTERI MENEKANKAN RAKYAT PERLU MENINGKATKAN KEMAMPUAN DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI BAGI MEMENUHI HARAPAN DAN ASPIRASI KERAJAAN YANG TINGGI KEPADA KEHIDUPAN BAHAGIAN PENDUDUKNYA.

KATANYA, TANPA KEMAMPUAN SAINS DAN TEKNOLOGI RAKYAT TIDAK MUNGKIN MENGGUNAKAN SEGALA POTENSI YANG ADA DENGAN BERKESAN.

+INI AKAN MENJADIKAN KITA MUNDUR DAN KETINGGALAN ZAMAN SERTA TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN DALAM SEGALA KERJA YANG MEMERLUKAN PENGETAHUAN SAINS DAN TEKNOLOGI,+ -- LAGI 1910/MK

PM - SAINS 3 KUALA LUMPUR 2'2'2'

+SEBAB ITU, SEMENTARA KITA PANTAS MEMBELI RADIO, TELEVISYEN DAN BERBACAM ALAT ELEKTRONIK, TETAPI APABILA SAHAJA KEROSAKAN BERLAKU MAKA KITA KURANG YAKIN ADA ORANG KITA YANG BOLEH MEMPERBAIKINYA.+

+SEMAKIN BERTAMBAHNYA ALAT-ALAT YANG DIASASKAN KEPADA SAINS DAN TEKNOLOGI SEMAKIN KETINGGALANLAH KITA,+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BIMBANG KERANA WALAUPUN PERKATAAN SAINS DAN TEKNOLOGI SERING DIDENGAR DAN PEMBANGUNAN NEGARA DIASASKAN KEPADA PENGETAHUAN SAINS DAN TEKNOLOGI, TETAPI UMUMNYA RAKYAT MASIH MERASA RAGU-RAGU DAN MENGANGGAPNYA SEBAGAI SATU JENIS MISTERI YANG TIDAK MUNGKIN DIFAHAMI DAN DIKUASAI OLEH MEREKA.

MENURUTNYA, ORANG RAMAI MASIH BERPENDAPAT BAHAWA SAINS DAN TEKNOLOGI ADALAH BIDANG YANG DIKHAJIRKAN KEPADA ORANG-ORANG YANG BEROTAK GELIGA SAHAJA DAN ORANG BIASA TIDAK MUNGKIN FAHAM SAMA SEKALI BIDANG-BIDANG ILMU ITU.

+DENGAN BERLELUASANYA PENDAPAT SEPERTI INI, MAKA TIMBULLAH KETAKUTAN UNTUK MEMASUKI BIDANG PELAJARAN ATAU PEKERJAAN YANG MELIBATKAN PENGETAHUAN SAINS DAN TEKNOLOGI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN ILMU SAINS BUKANLAH SATU MISTERI TETAPI SATU BIDANG ILMU YANG DIASASKAN KEPADA LOJIK AKAL FIKIRAN DAN SUSUNAN ALAM YANG TERATUR YANG DIJADIKAN ALLAH.

-- LAGI 1917/MK

PM - SAINS 4 KUALA LUMPUR

+TIAP SESUATU YANG DIJADIKAN OLEH TUHAN MEMPUYAI SUSUNAN DAN CARA YANG TERTIB YANG BOLEH DIFAHAM OLEH KITA JIKA KITA TAHU KUNCINYA.

+KUNCI INILAH YANG AKAN KITA KENALI JIKA KITA MENUNTUT ILMU SAINS SEPERTI YANG DISERU OLEH AGAMA ISLAM++ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI MENGAJAK PENDUDUK MENCONTOHI NEGARA MAJU SEPERTI JEPUN YANG SUNGGUHPUN TIDAK MEMPUYAI SUMBER KEKAYAAN, TELAH DAPAT BERASING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU DENGAN BERJAYA SEKALI KERANA MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA SAINS DAN TEKNOLOGI.

+INI HARUS MENJADI PENGAJARAN KEPADA KITA DI MANA KITA HARUS SENTIASA MEMIKIRKAN PELABURAN JANGKA PANJANG DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI.+

MENGENAI MUZIUM ITU, BELIAU BERHARAP SUNGGUHPUN KELENGKAPANNYA DIIMPORT DAN DIREKA DI JEPUN, IA HANYA SEBAGAI PERMULAAN SAHAJA DAN PADA AKHIRNYA PEREKA TEMPATAN SENDIRI AKAN MENCIPTA DAN MENGELUARKAN ALAT-ALAT BAGI MENGISI MUZIUM ITU.

BELIAU BERHARAP UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN YANG LAIN AKAN MENGAMBIL USAHA WAJAR UNTUK MENGADAKAN MUZIUM-MUZIUM YANG SERUPA BAGI BIDANG-BIDANG TERTENTU UNTUK MELENGKAPKAN USAHA-USAHA MENINGKATKAN MINAT MASYARAKAT DALAM SEMUA ASPEK SAINS DAN TEKNOLOGI.

ANTARA BIDANG-BIDANG YANG PERLU DITONJOLKAN TERMASUKLAH BIDANG-BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI PERUBATAN, PERTANIAN, KOMPUTER DAN ASTRONOMI. -- BERNAMA 1935/MK